

**Agong Dan Raja Permaisuri Hadiri Majlis Santapan UniSZA  
Bernama  
17 September , 2011**

KUALA TERENGGANU, 17 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah berkenan berangkat menghadiri majlis santapan sempena majlis konvokesyen Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) kali ketiga, di sini Jumaat malam.

Tuanku Nur Zahirah ialah Canselor UniSZA.

Pada Sabtu, Seri Paduka berdua akan berangkat ke istiadat konvokesyen di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, di kampus UniSZA Gong Badak di sini.

Yang turut hadir pada majlis santapan itu ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mazlan Ngah dan Naib Canselor UniSZA, Prof Datuk Dr Alias Daud.

Dalam ucapannya, Dr Alias berkata pada 1980 kerajaan Terengganu telah menubuhkan Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (Kusza) yang memberi peluang kepada pelajar sekolah aliran agama menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

"Kusza ditubuhkan bagi melahirkan ulama yang profesional di mana ramai lepasan Kusza telah menyumbang kepada negara terutama dalam pembangunan modal insan," katanya.

Beliau berkata pada 2006 Kusza telah dinaik taraf menjadi sebuah universiti dengan nama Universiti Darul Iman Malaysia dan empat tahun kemudian institusi pengajian tinggi itu melalui proses transformasi apabila namanya ditukar kepada Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Nama Sultan Zainal Abidin diabadikan sempena memperingati Almarhum Sultan Zainal Abidin III, yang bukan sahaja terkenal dengan sifat warak dan mempunyai peribadi yang mulia, malah mempunyai ketokohan tinggi dalam bidang ilmu.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=613981>